

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 JUN 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1532-MQT2714
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan terhadap keputusan konsortium syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan terhadap penjualan saham MAHB kepada Global Infrastructure Partners (GIP).

2. PR-1532-MQT2707
Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan ekoran kejatuhan kedudukan Malaysia ke tangga ke-34 dalam Indeks Daya Saing Dunia 2024, malahan mencatatkan penurunan ketara merentas sub-sektor ekonomi domestik dan produktiviti serta kecekapan perniagaan yang merudum kepada kedudukan ke-40 berbanding kedudukan ke-24 semasa pandemik.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 JUN 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1532-L25322
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sabah:
 - (a) setelah selesai proses pra kelayakan terpilih, apakah jenis kaedah perolehan terkini yang dibuat dan jumlah peruntukan bagi fasa 1B untuk tahun ini berserta sumber pembiayaan ; dan
 - (b) status terkini Pakej Kerja 9 yang melibatkan laluan dari Serusop ke Pituru, mengapa proses perolehan mengambil masa yang lama.
2. PR-1532-L25198
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan pengekalan bakat (*talent retention*) para graduan TVET Malaysia-China Institute (MCI) agar kemahiran mereka dapat dimanfaatkan dalam industri tempatan dan tidak mengalir ke luar negara.
3. PR-1532-L24435
Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status pelaksanaan dasar gaji progresif di peringkat Kementerian dalam usaha meningkatkan pendapatan pekerja di sektor swasta.

4. PR-1532-L24882

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :

- (a) bagaimanakah Kerajaan akan memastikan tercapainya sasaran sekurang-kurangnya RM500 bilion pelaburan menerusi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) Malaysia; dan
- (b) apakah dapat dibentuk ruang kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi memperoleh manfaat bersama dalam industri semikonduktor ini.

5. PR-1532-L25218

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh Kementerian terhadap pembeli rumah yang berdepan dengan masalah "Projek Sakit" khususnya bagi projek perumahan dibawah inisiatif perumahan rakyat seperti RumaWip yang rata-ratanya merupakan golongan B40 serta terhimpit dengan masalah kewangan apabila terpaksa melunasi pinjaman perumahan mereka.

6. PR-1532-L24687

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) bilangan kes yang diterima menerusi Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental sehingga kini, serta apakah tindakan susulan yang diambil untuk membantu golongan yang memerlukan; dan
- (b) status penubuhan Institut Kesihatan Mental seperti yang disyorkan dalam KSP RMKe-12.

7. PR-1532-L24991

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada pihak Kementerian dapat memberikan pengecualian sewa kepada pihak sekolah yang menggunakan kemudahan stadium untuk tujuan penganjuran kejohanan majlis sukan-sukan sekolah atau menjalankan latihan, selain daripada mengenakan bayaran yuran utiliti.

8. PR-1532-L24488

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) Fasa Pertama dalam memenuhi sasaran pelepasan sifar karbon bersih termasuk jumlah pelaburan yang dikenal pasti serta bilangan peluang pekerjaan yang telah dijana sehingga kini.

9. PR-1532-L25244

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan setakat ini dan perancangan masa depan bagi menjadikan TVET dalam bidang pertanian sebagai kelas pertama supaya seajar serta setanding dengan bidang-bidang TVET yang lain.

10. PR-1532-L24480

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) status terkini perancangan untuk membina Lebuh Raya Pantai Timur 4 (LPT4) yang menghubungkan Gambang ke Johor Bahru; dan
- (b) perancangan untuk menambah jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) supaya dapat menghubungkan Kuantan ke Johor Bahru.

11. PR-1532-L24383

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian merancang untuk memperluas inisiatif penerapan amalan kualiti hidup sihat melalui pembangunan Wellness Hub ke Sarawak bagi mencapai matlamat menjadikan rakyat Malaysia lebih sihat; dan
- (b) apakah langkah-langkah khusus yang akan diambil untuk memperkenal dan mempromosikan konsep tersebut.

12. PR-1532-L24412

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah peserta yang layak dan telah menerima geran Agropreneur Muda serta sejauh manakah keberhasilan perusahaan pertanian dan agromakanan dapat menampung keperluan semasa dalam negara kita.

13. PR-1532-L25460

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sekiranya ada cadangan untuk mewujudkan Zon Ekonomi Khas Sempadan terutamanya bagi Sarawak yang bersempadan dengan Brunei dan Kalimantan bagi melonjakkan lagi ekonomi di kawasan sempadan.

14. PR-1532-L24594

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kriteria yang digunakan oleh Kementerian dalam membekalkan kiosk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana terdapat isu lambakan kiosk dan adakah isu ini berpunca daripada pembekal yang telah mendapat kontrak daripada KPCT tanpa melihat kepada keperluan sebenar di PBT.

15. PR-1532-L25930

Dato Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan samada Kerajaan akan mewujudkan/melaksanakan R&R di sepanjang Jalan Persekutuan di Sarawak khususnya di Parlimen Lawas.

16. PR-1532-L24663

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pencarum bagi Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) sejak dilancarkan dan apakah usaha pihak Kementerian bagi meningkatkan bilangan pencarum di kalangan pekerja di kawasan luar bandar.

17. PR-1532-L24471

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah pencapaian atau usahasama antara Kerajaan dan syarikat teknologi yang berjaya dihasilkan melalui program SEMICON SEA (Asia Tenggara) yang kerap dianjurkan di Malaysia dalam tempoh masa 10 tahun ini.

18. PR-1532-L25550

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah rancangan KPJM untuk membangunkan pantai dan laut di sepanjang Parlimen Bukit Gantang yang sesuai untuk dimajukan sebagai pusat agropelancongan melalui LKIM.

19. PR-1532-L24391

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian menangani perletakan jawatan jururawat yang dilaporkan kerana tidak puas hati terhadap gaji rendah. Bagaimana Kementerian mengisi jawatan kosong jururawat yang agak banyak.

20. PR-1532-L24593

Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa peruntukan yg disalurkan oleh KKR bagi menurap semula jalan Persekutuan di Parlimen Kulim Bandar Baharu.

21. PR-1532-L25491

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah kesan jangkaan rasionalisasi subsidi bahan api terhadap kadar inflasi pada 2024; dan
- (b) apakah langkah mitigasi sekiranya harga bahan api global memuncak akibat krisis geopolitik yang berterusan.

22. PR-1532-L(5)00246

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian menangani pembaziran atau kerugian dalam bentuk infrastruktur dan bangunan penyelidikan yang telah ditinggalkan dan terabai di kawasan Parlimen Merbok di mana bangunan dan insfrastruktur ini menjadi mangsa vandalisme dan kelengkapan bangunan juga dicuri termasuk bumbung, pagar dan pintu pagar.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

23. PR-1532-L25659

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penambahbaikan yang perlu diterajui untuk memastikan pesakit hemofilia boleh didaftarkan di pangkalan maklumat KKM untuk membantu pemantauan dan kebajikan pesakit.

24. PR-1532-L25221

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor pakar yang masih berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut bidang dan apakah langkah yang telah diambil bagi memastikan doktor pakar kekal berkhidmat di hospital awam seterusnya menjamin siap siaga mencukupi dalam semua bidang termasuk bidang kritikal.

25. PR-1532-L24384

Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan dengan terperinci program Model Pengeluaran Getah Negara (Petara) yang diperkenalkan oleh Kementerian melalui RISDA dan bagaimana Kementerian merancang untuk melibatkan dan memberi sokongan kepada pekebun kecil getah di Sarawak dalam pelaksanaan program ini.

26. PR-1532-L24940

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) apakah yang menyebabkan ramai penduduk mengadu beras tempatan tidak diperoleh di kedai yang mereka lazimi; dan
- (b) berapa premis, peniaga, pemberong yang ditangkap dan dikenakan hukuman kerana menyorok beras tempatan.

27. PR-1532-L25904

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan progres implementasi Kertas Putih Reformasi Kesihatan.

28. PR-1532-L24538

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesan meletakkan pengawalan rokok dan vape pada Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dan apakah ianya sudah memberikan impak yang positif berbanding sebelum wujudnya undang-undang tersebut.

29. PR-1532-L24603

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini berkaitan penambahbaikan Klinik Kesihatan Long Lama dan pelaksanaan Klinik Kesihatan Long San Baram dan nyatakan tindakan Kementerian untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan di kawasan Baram yang usang dan daif dalam masa terdekat.

30. PR-1532-L25467

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana langkah yang telah dilakukan untuk menggubal Dasar Gaji Progresif bagi sektor swasta supaya selaras dengan penambahbaikan gaji dan elauan penjawat awam.

31. PR-1532-L24451

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pakar pembedahan kardiotoraks bagi mengatasi masalah masa menunggu yang lama bagi pesakit yang memerlukan pembedahan tersebut.

32. PR-1532-L25979

Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [Gua Musang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi menyediakan kemudahan jalan perhubungan desa dan infrastruktur asas di perkampungan tradisional sepanjang jajaran jalan kereta api di Gua Musang.

33. PR-1532-L25246

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah perancangan dan tindakan untuk mewujudkan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Zon Tengah yang meliputi Negeri Sembilan, Melaka dan Johor bagi meningkatkan pengeluaran padi atau beras negara.

34. PR-1532-L24705

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mekanisme Kementerian untuk mewujudkan integrasi yang lebih erat antara sektor kesihatan awam dan swasta bagi membolehkan rakyat mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

35. PR-1532-L25669

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan piawai dan garis panduan yang sedia ada dan peranan SIRIM untuk mengawal selia kualiti dan memastikan keselamatan produk keluaran OEM (Pengilang Peralatan Asal) bagi barang elektrik.

36. PR-1532-L24590

Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan mesin Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) di Hospital Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai memandangkan untuk mendapatkan khidmat mesin MRI hanyalah di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) Kota Bharu yang jaraknya hampir 80 km dan masa menunggu sehingga setahun.

37. PR-1532-L24607

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status permohonan jalan dari Pekan Lapok ke Long Jegan Tinjar, Jambatan Sungai Sepidi Tinjar serta status pelaksanaan Projek Bekalan Air Long Laput Baram, Bekalan Air Long Lama Baram serta status pelaksanaan Jalan Belasoi Marudi Baram.

38. PR-1532-L24554

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan holistik bagi merealisasikan konsep bandar selamat serta kemampuan pembangunan di kawasan bawah kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam Parlimen Kuala Kedah.

39. PR-1532-L25325

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuat pemasangan lampu jalan masuk daerah Kota Belud sepanjang Bukit Kelawat memandangkan jalan ini berbahaya kepada pengguna jalan raya dan telah banyak berlaku kemalangan yang menyebabkan kematian.

40. PR-1532-L24637

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Malaysia sudah bersedia untuk melaksanakan Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS) dan apakah perancangan untuk memastikan hak Sabah dan Sarawak tidak terganggu dengan pelaksanaan CCUS kelak.

41. PR-1532-L25285

Tuan Manndzri bin Nasib [Tenggara] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah terdapat sebarang bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi meringankan bebanan para petani serta penternak yang ditimpa musibah serta mengalami kerugian akibat daripada berlakunya bencana alam seperti banjir.

42. PR-1532-L24677

Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah implikasi terhadap undang-undang dan kewangan negara sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia (SEGiM) direalisasikan.

43. PR-1532-L24661

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) status semasa cadangan pembinaan projek bandar pelancongan di muara Sungai Kuantan; dan
- (b) jumlah keluasan kawasan tebus guna tanah bagi tambakan laut di kawasan projek tersebut.

44. PR-1532-L25092

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kajian terperinci telah dijalankan terhadap prosedur penyediaan deposit dan jaminan bank, kadar caj serta kaedah kutipan bagi warga asing yang mendapatkan rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang dilaporkan mencecah RM40 juta.

45. PR-1532-L25352

Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina balai bomba baharu di Sarawak. Jika ada nyatakan tempat atau lokasi dan jenis-jenis balai bomba yang akan dibina.

46. PR-1532-L24574

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek rintis Dasar Gaji Progresif termasuk proses pemilihan 1,000 syarikat yang menyertai projek rintis berkenaan.

47. PR-1532-L24814

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan langkah-langkah bagi pelan tindakan pembangunan belia bagi mewujudkan pusat belia di sekitar kawasan masyarakat setempat bagi mengelakkan permasalahan sosial hedonisme dalam kalangan belia.

48. PR-1532-L24567

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :

- (a) perkembangan terkini dasar mewajibkan laluan khas motosikal di lebuh raya dan hasrat untuk menambah baik lebuh raya yang tidak mempunyai laluan khas motosikal termasuk LPT 3 ; dan
- (b) usaha untuk mengurangkan risiko ancaman keselamatan di laluan motosikal yang disediakan di lebuh raya.

49. PR-1532-L24455

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan faktor PR1MA kerugian dan liabilitinya mencecah RM5.746 bilion (Laporan Ketua Audit Negara 2022) dan bagaimana PR1MA dapat kekal berfungsi jika kerugiannya terus meningkat.

50. PR-1532-L24636

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah PADU akan digunakan sebagai *single point data entry* untuk semua urusan subsidi Kerajaan dan jika ya, mengapa rakyat masih perlu mendaftar di sistem yang lain seperti BUDI MADANI untuk subsidi diesel.

51. PR-1532-L24503

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik berkaitan remaja atau belia yang telah didiagnosis dengan penyakit akibat penggunaan vape dan tembakau dari tahun 2021 hingga 2023. Apakah langkah yang sedang dirangka untuk menangani penggunaan vape dalam kalangan remaja yang semakin meningkat.

52. PR-1532-L25292

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membaiki jalan-jalan bekas balak yang masih diperlukan oleh penduduk pedalaman Sarawak. Berapa jumlah kos yang diperlukan untuk membaiki jalan-jalan tersebut. Apakah rancangan jangka panjang Kementerian untuk menghubungkan penempatan yang terlalu jauh di pedalaman Sarawak.

53. PR-1532-L24621

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuka unit Kecederaan Sukan di Hospital Kepala Batas memandangkan sudah terdapat pusat sukan di bandar tersebut.

54. PR-1532-L25849

Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini dan hala tuju PADU setelah berakhirnya fasa mendaftar dan mengemas kini maklumat dalam kerangka mencapai dua objektif bertentangan yakni mengurangkan tekanan fiskal dan hutang negara manakala kos sara hidup rakyat terkawal dengan pelaksanaan subsidi bersasar atau dasar-dasar lain.

55. PR-1532-L25289

Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status berkenaan pengeluaran lesen nelayan pantai yang baharu di Parlimen Tanjung Manis dan apakah bantuan-bantuan seperti pemberian bot, enjin dan alat-alat menangkap ikan masih diteruskan dan apakah jumlah yang telah dikeluarkan sehingga kini untuk Parlimen Tanjung Manis.

56. PR-1532-L25094

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [Kuala Langat] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memajukan kampung-kampung tradisi terutama di negeri yang maju agar pembangunannya lebih terancang sejajar dengan pembangunan kawasan bandar.

57. PR-1532-L24650

Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [Parit Buntar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan manfaat pelaburan China terhadap sektor tenaga baru dan boleh diperbaharui. Mohon Kerajaan memberi butiran projek-projek yang dilaksanakan dan impak terhadap sektor tenaga.

58. PR-1532-L24840

Tuan Zahir bin Hassan [Wangsa Maju] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) keberkesanan program-program intervensi bagi menangani masalah susut dan bantut kanak-kanak bawah 5 tahun di Wilayah Persekutuan (WP) bagi tahun 2019 sehingga 2023; dan
- (b) berikan data pencapaian Program Bakul Makanan dalam mengeluarkan kanak-kanak dari senarai bantut dari jumlah keseluruhan penerima di WP bagi tempoh yang sama.

59. PR-1532-L24434

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah proaktif dan agresif serta pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menangani isu lambakan pokok tua yang memberikan risiko keselamatan kepada orang awam terutamanya di kawasan tumpuan awam bagi mengelakkan kejadian tidak diingini berlaku.

60. PR-1532-L24477

Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan khusus Kementerian bagi merancakkan industri sukan Sepak Takraw termasuk Sepak Takraw League (STL) ekoran kejayaan pasukan Sepak Takraw Malaysia yang dinobatkan sebagai juara berganda dalam Kejohanan Piala Dunia Sepak Takraw (ISTAF) 2024 setelah menewaskan Thailand baru-baru ini.

61. PR-1532-L24704

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meluaskan kursus pengajian kepakaran bidang kardioterasik dengan kerjasama pusat-pusat pengajian tinggi awam di seluruh negara selain Universiti Teknologi MARA (UiTM).

62. PR-1532-L24922

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah dengan melaksanakan pengurangan subsidi petrol (Rasionalisasi Subsidi Petrol) memberi impak positif kepada rakyat. Dikhawatirkan akan menyebabkan rakyat terus terbeban dengan jangkaan kenaikan harga barang.

63. PR-1532-L25081

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah punca beras putih tempatan masih susah didapati di pasaran tempatan dalam keadaan di mana penanaman padi dan pengeluaran masih berjalan seperti biasa.

64. PR-1532-L25499

Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk memperbaharui ekonomi negara termasuk komitmen untuk menarik pelaburan domestik dan asing agar boleh memberi manfaat kepada negara dan apakah hasil dan kejayaan negara setakat ini.

65. PR-1532-L24527

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Skim Perubatan MADANI akan diperluaskan ke kawasan-kawasan pedalaman di mana bantuan ini amat diperlukan oleh rakyat di kawasan berkenaan.

66. PR-1532-L24502

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menurut data terkini oleh *The World Factbook Central Intelligence Agency* dari 2016 hingga 2024, Malaysia muncul sebagai negara ke-2 di Asia Tenggara yang mempunyai ramai rakyat yang mempunyai masalah obesity. Apakah perancangan Kementerian untuk mengawal isu ini.

67. PR-1532-L25252

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti Orang Asli termasuk pemberian insentif serta bantuan projek-projek pembangunan berskala kecil bagi membantu menjana pendapatan penduduk Orang Asli serta merancakkan aktiviti ekonomi setempat.

68. PR-1532-L24521

Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [Batu Pahat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan Indeks Harga Pengguna yang terus kekal 1.8% pada Mac 2024 dan peningkatan SST dari 6% kepada 8% boleh mempengaruhi kos sara hidup rakyat.

69. PR-1532-L24917

Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melibatkan Wilayah Pantai Timur seperti Kelantan dalam usaha membangunkan National Semiconductor Strategy (NSS) supaya tidak hanya bertumpu ke Wilayah Pantai Barat sahaja.

70. PR-1532-L24980

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan adakah Kementerian bercadang menambah dan membuka lebih banyak inisiatif bank bergerak Agrobank di seluruh negara terutama di kawasan pedalaman bagi memudahkan urusan perkhidmatan perbankan digital rakyat luar bandar.

71. PR-1532-L24718

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) jumlah fasiliti kesihatan berstatus pakar; dan
- (b) perancangan Kementerian dalam memantapkan penyediaan perkhidmatan kesihatan melalui fasiliti berstatus pakar.

72. PR-1532-L25850

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah pelajar tajaan MARA mengikut bangsa sejak dari tahun 2000 dan kos tajaan setiap pelajar dan jumlah pelajar yang balik berkhidmat dalam negara serta berapa pelajar yang bekerja di luar negara.

73. PR-1532-L24576

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah penggunaan sistem PADU bakal diintegrasi dan diguna pakai bagi tujuan penentuan golongan yang layak menerima subsidi bahan api mengambil kira kategori isi rumah yang telah dikenalpasti.

74. PR-1532-L24760

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Pegawai Perubatan yang mengikuti kursus dan telah lulus Program Parallel Pathway (PPP) untuk Pembedahan Kardiotorasik, Pembedahan Plastik dan Perubatan Keluarga tetapi masih belum diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia sebagai pakar sejak PPP ini dimulakan dan kos untuk ketiga-tiga program ini.

75. PR-1532-L24535

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kriteria utama pelaksanaan program SMART SBB ala Sekinchan dan usaha bagi menyelaras dengan program SMART SBB Asnaf di bawah LZNK di negeri Kedah.

76. PR-1532-L24422

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan inisiatif IPR khususnya bagi kategori INSAN ini secara rentas Kementerian dan juga menurunkan pelaksanaan ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri yang lain supaya inisiatif ini dapat mengurangkan jumlah miskin bandar.

77. PR-1532-L25063

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penyeliaan Kementerian terhadap aset Kementerian yang daif dan bermasalah di klinik kesihatan daerah dan inisiatif terbaharu Kementerian bagi memastikan siap siaga klinik kesihatan daerah di bahagian kecemasan khususnya perkhidmatan ambulans yang sering tergendala apabila berlaku kes kecemasan.

78. PR-1532-L25822

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan dalam meningkatkan pengeluaran daging tempatan agar dapat mencapai 50 peratus Tahap Sara Diri (SSL) menjelang 2025 seperti yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021 - 2030.

79. PR-1532-L24769

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha untuk mempromosi program subsidi kesihatan seperti skim perubatan MADANI dan cara mengelakkan penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat.

80. PR-1532-L24976

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan data lengkap serta kajian keperluan bagi menambah dan memperluaskan Program Mekanisasi dan Automasi Agromakanan yang menyasarkan golongan petani, peternak, nelayan, peladang, dan pengusaha asas tani seluruh negara.

81. PR-1532-L25917

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mempertimbangkan agar had usia 60 tahun yang ditetapkan untuk menghantar Notis Keilatan bagi caruman sedia ada dinaikkan kepada 65 tahun memandangkan kebanyakan rakyat kini bekerja sehingga 60 tahun diberi sedikit ruang agar Orang Berinsurans dapat menuntut hak mereka untuk mendapatkan perlindungan akibat bencana kerja.

82. PR-1532-L24938

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah kuota diesel bersubsidi kepada nelayan yang telah diluluskan bagi tahun 2024 dan pelan cadangan bagi penambahan kuota tersebut.

83. PR-1532-L25912

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menjamin kelangsungan syarikat dan industri berkepentingan utama supaya tidak menjadi mangsa perang perdagangan khususnya antara Amerika Syarikat dan China.

84. PR-1532-L25437

Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pencapaian terkini Kementerian dalam mengurangkan kebergantungan buruh asing kurang mahir.

85. PR-1532-L24855

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mengenai status miskin tegar di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka dan apakah kriteria yang diguna pakai untuk mengisyiharkan semua negeri tersebut sifar miskin tegar.

86. PR-1532-L25831

Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam membendung isu diskriminasi kaum dalam isu menyewa dan penjualan rumah.

87. PR-1532-L25916

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam kita menuju kepada status Negara Tua, semakin ramai penduduk yang berusia 60 tahun ke atas. Adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan skim caruman persaraan bagi membolehkan individu yang berusia atas 60 tahun mencarum bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pesara daripada bencana dan keilatan selepas bersara.

88. PR-1532-L25409

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan dan pelan pihak Kementerian bagi pemerkasa badan Giatmara dalam mempergiat kemahiran belia-belia terutama di kawasan luar bandar seperti Kota Marudu yang serba-serbi kekurangan dan memerlukan perhatian lebih berbanding kawasan bandar.

89. PR-1532-L24778

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah permintaan perjawatan baharu di Hospital Tawau sebanyak 1500 perjawatan sudah diluluskan bagi memenuhi keperluan kemudahan kesihatan seramai 1 juta orang penduduk merangkumi Tawau, Kalabakan, Semporna, Lahad Datu dimana ketika ini sistem perkhidmatan kesihatan Hospital Tawau dalam keadaan hampir runtuh.

90. PR-1532-L25614

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini mengenai rancangan pembinaan Lebuh Raya Putrajaya - Bangi (PBE) dan memberikan butiran jajaran yang dicadangkan bagi lebuh raya tersebut.

91. PR-1532-L24470

Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh manakah usaha dan kerjasama antarabangsa dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia bagi memantau dan menyelidik pertumbuhan dan pengeluaran jenis benih padi bagi meningkatkan produktiviti dan hasil padi.

92. PR-1532-L25854

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah kerugian dan kesan yang dihadapi ekonomi negara atas sebab gerakan boikot dari Januari 2024 hingga 31 Mei 2024 dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membaik pulih kesan yang dialami oleh ekonomi negara.

93. PR-1532-L24850

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah masih ada stok penimbang beras tempatan, sekiranya ada berapakah jumlah stok penimbang tersebut dan mengapa tidak digunakan ketika negara stok beras tempatan tiada di pasaran.

94. PR-1532-L25465

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah perancangan untuk menyediakan Rumah Mayat dan Anjung Kasih yang dijadikan tempat tinggal sementara ahli keluarga pesakit yang di masukkan di dalam wad di Hospital Selangau.

95. PR-1532-L25667

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian dan perancangan Kerajaan berkenaan pelawaan Amerika Syarikat untuk Malaysia menyertai Mineral Security Partnership (MSP) dan Partnership for Global Infrastructure and Investment (PGII).

96. PR-1532-L24779

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah mekanisme yang diambil untuk mengatasi kekosongan lebih 1,000 jawatan doktor pakar di Sabah dan Sarawak di mana Sabah mempunyai kekurangan sehingga 80% tenaga doktor pakar. Penduduk Tawau terpaksa ke Kota Kinabalu sejauh hampir 500km dan menelankan kos ribuan ringgit serta masa menunggu rawatan yang lama.

97. PR-1532-L24421

Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [Sri Gading] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) berapa ramaikah yang dijangka akan terkesan dengan penarikan semula subsidi diesel ini dalam kalangan nelayan kecil, pekebun kecil, dan pesawah; dan
- (b) apakah pihak Kementerian akan menyediakan peruntukan tambahan bagi membantu golongan ini supaya tidak berlakunya keciciran dalam pemberian bantuan subsidi bersasar.

98. PR-1532-L25507

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menjadikan ekonomi halal sebagai *High Growth High Value Economy* terutama sektor farmaseutikal, kimia industri, derivatif sawit dan kosmetik kerana sektor terbabit bernilai tinggi tetapi jumlah eksport halal sektor terlibat masih rendah.

99. PR-1532-L24405

Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [Jerlun] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengalihkan perdagangan dengan negara-negara terbesar dunia kepada negara-negara Asia Barat, Afrika dan Amerika Selatan susulan lawatan Perdana Menteri ke Republik Kyrgystan, Kazakhstan dan Uzbekistan pada 15-19 Mei 2024.

100. PR-1532-L25122

Tuan Nurul Amin bin Hamid [Padang Terap] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini pelaburan di Kedah Rubber City.

101. PR-1532-L24894

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) bila subsidi bersasar akan dilaksanakan sepenuhnya seperti kenyataan Perdana Menteri pada 27 November 2022 dan adakah subsidi bersasar bagi petrol akan dilaksanakan tahun ini; dan
- (b) apakah jaminan Kerajaan harga barang tidak akan terus meningkat setelah subsidi bersasar dilaksanakan.

102. PR-1532-L25041

Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah proaktif Kerajaan dalam meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Daya Saing Dunia (IDSD) khususnya berkaitan dengan kecekapan Kerajaan dalam memberdayakan agensi perkhidmatan Kerajaan serta meningkatkan kepercayaan rakyat terhadapnya.

103. PR-1532-L25533

Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah dasar terkini bagi pendaftaran padi untuk Negeri Luar Jelapang untuk membolehkan pesawah menerima Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 11/2024) Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024
- Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," (24 Jun 2024)

[Menteri Sumber Manusia]

2. (D.R. 12/2024) Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]

3. (D.R. 28/2023) Rang Undang-Undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 – **Menimbang Pindaan yang dibuat oleh Dewan Negara mengikut Peraturan Mesyuarat 73(1).**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

4. (D.R.14/2024) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Pengangkutan]

5. (D.R.15/2024) Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa "Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024.

[Menteri Pengangkutan]

6. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini,

membuat ketetapan bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) 2021 dan Tahun 2022 (Kertas Statut ST.86 Tahun 2024 dan ST.87 Tahun 2024) untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam kedua-dua Laporan Tahunan ini;

memperakui bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah

Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

menyedari bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk diberi penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuuhkan lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik di kalangan rakyat;

mengambil maklum akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

menyokong kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan yang berterusan oleh Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

Bahawa dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi Hak Asasi Manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

- | | | |
|--|--|-----------------------------------|
| 7. (D.R 7/2024) | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad
(Pindaan) 2024. | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| [Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos
Sara Hidup] | | |
| 8. (D.R 13/2024) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 -
Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang
Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"
(27 Mac 2024) | |
| [Menteri Dalam Negeri] | | |

9. PR-1532-U(27)328

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini.

Malah, dengan pengenalan semula GST ini, maka tidak perlu lagi dilaksanakan sistem e-Invois yang hanya akan menghuru-harakan para peniaga kecil dan sederhana."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1532-U(27)329

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1532-U(27)330

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk meningkat dan memperketatkan kawalan keselamatan serta ketenteraman negara pada tahap tertinggi terutama di lokasi-lokasi sensitif, premis kerajaan, tempat-tempat tumpuan awam dan fasiliti berkepentingan.

Kesemua peringkat kepimpinan pasukan keselamatan negara serta petugas di lapangan perlu mengambil langkah-langkah komprehensif semasa menjalankan tugas dengan mematuhi pekeliling dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah dikeluarkan bagi mengelakkan insiden seperti yang berlaku di Balai Polis Ulu Tiram, Johor kembali berulang dan mengorbankan mereka yang tidak bersalah.

Perhatian dan tindakan serius dari Kerajaan perlu segera diambil bagi menangani kegusaran masyarakat umum mengenai tahap keselamatan dan ketenteraman negara."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1532-U(27)331

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memberi komitmen secara menyeluruh dalam usaha mengekalkan 50 peratus litupan hutan di Malaysia susulan laporan "*State of the Malaysian Rainforest*" oleh pemerhati alam sekitar, RimbaWatch mengenai 3.2 juta hektar hutan semula jadi berisiko ditebang manakala sebanyak 2.4 juta hektar berada dalam ancaman hutan balak iaitu kira-kira sebesar saiz gabungan Johor dan Negeri Sembilan.

Koordinasi oleh kementerian yang bertanggungjawab mesti dilaksanakan secara bersepada dengan bantuan, sokongan dan kerjasama komuniti saintifik, masyarakat tempatan, agensi-agensi kerajaan tempatan, negeri dan persekutuan, serta pembabitan pihak swasta dan korporat. Dan, Malaysia perlu menjadi teladan kepada dunia dalam usaha memerangi krisis kehilangan sumber kepelbagaiannya biologi dan perubahan iklim."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

13. PR-1532-U(27)323
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk mempertimbang dan/atau menarik semula keputusan penjualan sebahagian saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada Global Infrastructure Partners (GIP) milik BlackRock Inc."

[Menteri Kewangan]

14. PR-1532-U(27)324
Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan untuk menggantikan penggunaan nama Israel kepada Negara Palestin yang diduduki atau *Occupied State of Palestine* bagi merujuk negara haram di bawah Regim Zionis."

[Menteri Luar Negeri]

15. PR-1532-U(27)325
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan laporan kajian menyeluruh untuk memahami punca pelajar tidak menduduki peperiksaan SPM agar tidak terus membarah.

Penerangan ini melibatkan tinjauan, perbincangan kumpulan fokus atau inisiatif penglibatan komuniti untuk mengumpulkan maklumat langsung daripada pelajar yang terjejas dan keluarga mereka.

Seramai 10,160 pelajar yang mendaftar SPM 2023 tidak menduduki peperiksaan tersebut. Daripada 383,685 calon yang baru mendaftar, hanya 373,525 yang hadir dan mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran.

Mereka akan menghadapi pilihan pekerjaan yang terhad. Jawatan yang boleh selalunya memerlukan kurang kepakaran dan menawarkan gaji yang lebih rendah, menjadikannya lebih sukar bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Akibatnya, memenuhi keperluan asas seperti perumahan, penjagaan kesihatan dan keperluan boleh menjadi cabaran besar bagi mereka seterusnya membawa kepada insiden kemiskinan pada masa hadapan."

[Menteri Pendidikan]

16. PR-1532-U(27)326

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan dasar keterlibatan yang jelas dan polisi penerimaan makluman bagi memudahkan masyarakat tempatan membuat persediaan awal terhadap kesan limpahan ekonomi melalui pembangunan mega tersebut.

Dasar ini menyokong jalinan libat urus pihak Kerajaan kepada masyarakat setempat bagi meningkatkan kefahaman khusus terhadap potensi limpahan ekonomi untuk setiap lokaliti disamping memberi ruang sokongan peluang pekerjaan kepada bakat tempatan. Pengesahan projek mega seperti contoh Projek Lebuh Raya Pan Borneo, MRT dan ECRL sewajarnya diberi maklum secara khusus seperti contoh program kerjasama jalinan bersama penduduk setempat dari sudut manfaat ekonomi sama ada sebelum, semasa dan selepas pembinaan. Dengan keterlibatan yang menyeluruh ini akan memberi ruang persediaan kepada penduduk setempat menjadi sebahagian dari penyumbang dan pemilik pertumbuhan ekonomi lokaliti.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau spill over impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

[Menteri Ekonomi]

17. PR-1532-U(27)327

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih bagaimana strategi untuk mencapai sasaran 300,000 pekerja tambahan yang terdiri dari 60,000 pekerja jurutera mahir tempatan dalam industri semikonduktor dan mengekalkan Malaysia sebagai salah satu pengeksport utama dunia dengan jumlah RM1.2 trillion nilai eksport menjelang 2030.

Walau bagaimanapun, jumlah pelajar dalam bidang kejuruteraan telah menurun sehingga 18% manakala jumlah jurutera juga turut menurun sehingga 30% semenjak 5 tahun kebelakangan ini. Penurunan ini juga memberi impak berganda dengan perpindahan bakat ke luar negara sebanyak 20% kesan dari peluang pekerjaan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, terdapat keperluan pihak Kerajaan dan agensi menerangkan pelan tindakan jalinan kerjasama industri dengan pihak institusi pengajian dan memberi justifikasi untuk membenarkan pelajar luar negara dari bidang kejuruteraan di universiti tempatan untuk bekerja di dalam industri semikonduktor di Malaysia sekurangnya dua atau tiga tahun."

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 77	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 79	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 80	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 82	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 83	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Sumbangan Modal Pembentungan (KWSMP) Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 88	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 89	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024
ST. 91	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Bagi Tahun 2022	25 Jun 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)	1. Keperluan Dasar Prestasi Ekonomi dan Modal Hijau 2. Baik Pulih Permukaan Jalan FT 1490 Jalan Panching, Kuantan	1. YB Menteri Ekonomi 2. YB Menteri Kerja Raya
YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)	3. Pemasangan Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Bandar Kuantan Putri – Jalan Tanjung Lumpur 4. Masalah Projek Pengairan Kawasan Sawah Kampung Sepat, Kuantan	3. YB Menteri Kerja Raya 4. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**